

AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 2

RUANGAN : LOKAL

Kuala Lumpur: Biar pun sudah 12 tahun G Krishnan meninggal dunia, keluarganya menganggap lelaki berkenan tetap 'hidup' kerana organnya berada dalam tubuh badan individu lain.

Bagi anak perempuannya, K Santi, 43, keluarganya membuat keputusan sukar sebelum memutuskan untuk mendermakan organ meniang bapanya bagi menyelamatkan nyawa insan lain.

"Ayah saya disahkan mati otak selepas tergelincir dari tangga hingga menyebabkan kepalanya terhentak pada batu di hadapan rumah.

"Pada masa itu, saya terdetik menyuarakan pendermaan organ ayah memandangkan ketika hayatnya dia seorang yang sihat, ber tenaga, menjalani gaya hidup sihat dan tiada tabiat merokok atau minum arak. "Dalam sedih menerima hakikat ayah tiada harapan untuk hidup, kami seke-

Ayah masih 'hidup' dalam jasad orang lain

Kami yakin ayah sudah tentu menyokong niat murni ini memandangkan ayah juga seorang yang sangat suka membantu orang lain, tidak kira bangsa atau agama semasa hayatnya"

Santi

uarga berbincang dan mendapatkan beberapa pandangan pihak berkaitan sebelum bersepakat memutuskan untuk mendermakan organ ayah," katanya.

Katanya, secara zahirnya bapanya tidak pernah mendaftar sebagai penderma organ namun lelaki itu pernah menyuarakan kebaikan



SANTI bersama meniang bapanya yang organnya didermakan selepas meninggal dunia.

pendermaan organ kepada suaminya.

"Pada mulanya, kami masih ragu tetapi selepas suami saya menceritakan perbualannya dengan ayah

yang menyokong pendermaan organ, kami tekad dengan keputusan itu.

"Kami yakin ayah sudah tentu menyokong niat murni ini memandangkan ayah

juga seorang yang sangat suka membantu orang lain, tidak kira bangsa atau agama semasa hayatnya," katanya.


Tenaga pengajar jurura-

wat di Institut Latihan Kementerian Kesihatan Malaysia itu berkata, semua proses pemindahan organ dan pengebumian bapanya berjalan dengan lancar.

"Selepas dua minggu, kami menerima surat dari Pusat Sumber Transplan Nasional, dua organ ayah iaitu buah pinggang dan hatinya selamat dipindahkan kepada dua penerima.

"Kami dimaklumkan, kedua-dua organ itu berfungsi dengan baik dan berita itu sudah cukup membuatkan hati kami tenang dan gembira.

"Sebenarnya kami tidak meminta apa-apa, cuma berharap ayah terus 'hidup' dalam badan individu lain. Niat kami, walaupun tidak tahu siapa penerima atau apa bangsa dan agamanya, kami tahu organ ayah memberi manfaat kepada kehidupan orang lain," katanya.



MARINA menunjukkan kesan parut di tangannya.

Oleh Mahaizura Abd Malik
mahaizura@hmetro.com.my

Putrajaya

"Saya terhitung budi dengan pengorbanan individu itu kerana buah pinggangnya menjadi penyelamat dan penyambung hayat saya.

"Doa saya, siapa pun dia tidak kira bangsa atau agama, moga Allah SWT membalas segala kebbaikannya," kata Marina Mocktar, 40.

Marina ialah penghidap

penyakit buah pinggang kronik dan bergantung kepada rawatan *continuous ambulatory peritoneal dialysis* (CAPD) atau dialisis air dan hemodialisis (dialisis darah) selama 11 tahun.

Menurut Marina, dia pernah berputus asa kerana diuji dengan penyakit itu pada usia masih muda sehingga perlu berulang-alik ke hospital dan pusat dialisis, namun positif meneruskan perjuangan dengan sokongan keluarga serta individu sekeliling.

"Suami tidak layak untuk menderma buah pinggang-

PENERIMA BUAH PINGGANG LUAH KESYUKURAN

'Kerana organmu aku masih bernafas'

nya kepada saya kerana dia merokok selain masalah kesihatan lain. Maka untuk meneruskan hidup, pilihan yang ada ketika itu cuma dialisis.

"Saya memilih rawatan dialisis air kerana boleh diruskan sendiri di rumah memandangkan saya masih sayangkan pekerjaan saya ketika itu.

"Jadi, empat tahun juga saya bertahan dengan dialisis air sebelum akhirnya perlu bertukar kepada dialisis darah kerana terkena jangkitan kuman," katanya ketika ditemui Harian Metro.

Menurutnya, rezeki berpihak kepadanya apabila dia disenaraikan untuk mendapat buah pinggang daripada penderma yang berikrar mendermakan organnya ketika masih hidup.

"Pada tahun kelapan dialisis, saya dihubungi pihak hospital dan selepas segala persediaan dilakukan hampir tiga tahun,

akhirnya saya layak menjalani pembedahan pemindahan organ (buah pinggang) pada 17 Januari 2020.

"Saya mendapat organ daripada penderma kadaverik (selepas kematian) iaitu individu yang disahkan mati otak.

"Selepas dua minggu, keadaan kesihatan saya bertambah baik dan doktor sahkan saya tidak perlu lagi menjala-

ni rawatan dialisis namun masih dipantau sehingga kini," katanya.

Katanya, dia menganggap penerimaan organ itu sebagai rezeki kerana tidak semua pesakit kronik berpeluang apatah lagi senarai menunggu sangat ramai sedangkan jumlah penderma masih kurang.

"Ini juga umpama peluang kedua buat saya kerana bukan mudah berjuang sebagai pesakit buah ping-

gang," katanya yang dilantik sebagai Duta Ginjal (DUGIN) pada 26 Mac lalu.

Katanya, sejak menderita penyakit itu hingga kini, dia aktif berkongsi pengalaman di media sosial terutama dalam memberi kesedaran mengenai bahaya dan mengawal risiko penyakit kronik ini.

"Ambil pengajaran. Perjalanan saya bukan mudah kerana banyak masa, wang ringgit dan air mata perlu dibayar untuk mendapatkan semula hidup normal seperti hari ini.

"Jadi, selagi kita mampu kawal daripada awal gunakan sebaiknya peluang yang ada dengan menjalani gaya hidup sihat dan mengamalkan pemakanan sihat seperti sarapan pakar perubahan.

"Untuk mereka yang sihat pula, mendaftarkan sebagai penderma organ kerana kita mungkin boleh menjadi 'talian hayat' untuk pesakit kronik memerlukan terutamanya mereka yang masih muda untuk meneruskan hidup," katanya.

"Saya mendapat organ daripada kadaverik"
Marina



AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA

MUKA SURAT : 16

RUANGAN : RENCANA

GTA mahu harga ubat lebih murah

UTUSAN: Mengapa melibatkan diri dalam politik?

ABDUL HALIM: Ketidakstabilan dan keadaan politik hari ini sangat membimbangkan saya. Keadaan di mana pemimpin memikirkan diri mereka sendiri, merebut jawatan dan menyelamatkan poket masing-masing.

Ini membuat saya terfikir akan keadaan negara dalam masa 10 hingga 15 tahun akan datang, tentang nasib yang akan dilalui oleh anak cucu kita. Jika hal ini berterusan, negara kita akan hancur dan nasi bakal menjadi bubur.

Seterusnya, apabila Tun Dr. Mahathir Mohamad menubuhkan GTA yang turut membuka peluang penyertaan ahli-ahli pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan profesional, membuat saya rasa terpenggil untuk menyertainya.

Rasa tanggungjawab dan cinta akan negara membuatkan saya turut menyertai perjuangan murni ini bagi mengubah negara kita ke arah yang lebih baik. Saya yakin pengorbanan ini tidak akan disia-siakan kerana ini harapan terakhir kita menyelamatkan negara tercinta ini.

Apakah sumbangan yang boleh diberikan oleh Datuk?

Saya bercakap dari sudut seorang doktor perubatan di negara kita. Realitinya golongan doktor sedang dalam kemelut. Kerajaan tidak mampu menanggung para doktor muda untuk sambung belajar menjadi pakar. Ini menjadi lebih teruk dengan isu kontrak di mana mereka tidak dapat berkhidmat (secara tetap) di hospital kerajaan.

Mereka seterusnya sama ada akan berhijrah ke luar negara atau membuka (lebih banyak) lagi klinik swasta. Hal ini akan melemahkan ekonomi para doktor swasta lain kerana persaingan yang tinggi. Klinik swasta mungkin terpaksa meningkatkan harga kos rawatan di klinik (bagi menampung jumlah pelanggan berkurangan). Akhirnya, rakyat juga yang akan terpalit dan menerima kesan.


Dalam pada itu, dominasi syarikat-syarikat farmaseutikal kapitalis di negara kita yang

MUKADIMAH

ISU ubat mahal bukan masalah baharu kerana ia diakui sendiri Menteri Kesihatan, Khairy Jamaluddin pada Julai lalu yang menyatakan terdapat kemungkinan harga meningkat lagi ekoran kenaikan kos bahan mentah dan kerajaan pula masih bertegas menjadikan mekanisme mengawal harga ubat-ubatan sebagai pilihan terakhir.

Bagi pemilik klinik swasta, **DATUK DR. ABDUL HALIM SHER JUNG**, kemelut itu boleh diatasi dengan baik jika kerajaan mendapat nasihat golongan profesional seperti doktor yang arif tentang isu berkenaan kerana mereka berhubung terus dengan pesakit dan mengetahui permasalahan rakyat.

Dalam wawancara dengan wartawan *Utusan Malaysia*, **NIZAM YATIM** di Putrajaya baru-baru ini, Ahli Majlis Tertinggi Gerakan Tanah Air (GTA) ini menegaskan, isu terbabit hanya dapat diselesaikan jika kerajaan mengurangkan dominasi syarikat-syarikat farmaseutikal kapitalis yang menaikkan harga ubat-ubatan sehingga menyebabkan klinik swasta terpaksa meningkatkan caj ubat kepada rakyat.



ISU doktor kontrak boleh diselesaikan dengan cara yang lebih baik oleh kerajaan. - UTUSAN/FAISOL MUSTAFA

meningkatkan harga ubat-ubatan menyebabkan klinik swasta terpaksa juga meningkatkan caj ubat.

Di hospital kerajaan pula, kita lihat setiap tahun bajet yang dikeluarkan tinggi, tetapi peralatan dan kemudahan di situ pada hari ini tetap sama seperti 20, 30 tahun lalu. Pesakit yang memerlukan kemudahan moden terpaksa menghabiskan wang yang banyak di hospital swasta. Dengan penglibatan golongan profesional dalam GTA, kami

mempunyai banyak idea untuk menyelesaikan masalah ini jika diberikan mandat oleh rakyat.

Baru-baru ini, kerajaan juga mengisytiharkan Bajet 2023 di mana sebanyak RM36.1 bilion diperuntukkan untuk Kementerian Kesihatan (KKM) pada tahun depan berbanding RM32.4 bilion, tahun ini. Tetapi kita sendiri tahu bahawa hutang negara mencecah sehingga trilion ringgit. Rakyat kita pada hari ini sudah bijak dan ramai

golongan terpelajar yang boleh berfikir sendiri. Bajet ini hanyalah bersifat populis dan retorik.

Kenapa tidak diserahkan sahaja tugas mentadbir negara kepada ahli politik?

Doktor perubatan merupakan salah satu individu yang berhubung terus dengan rakyat. Kami dapat menjadi jambatan yang menyalurkan suara rakyat untuk dibawa ke pentas pentadbiran.

Hal ini akan dapat membantu menyelesaikan satu persatu masalah yang dihadapi oleh setiap lapisan masyarakat di negara kita. Rakyat akan menjadi lebih senang dan ini akan memberikan kesan terus kepada produktiviti dan seterusnya meningkatkan ekonomi negara.

Bagaimanakah peluang GTA dan cabaran yang akan ditempuh dalam Pilihan Raya Umum Ke-15 (PRU15)?

Peluang GTA dalam PRU15 akan datang ini adalah sangat meyakinkan. Hal ini kerana seperti kita lihat hari ini, masyarakat terutamanya yang berusia remaja sudah tidak ambil peduli mengenai politik malah tidak ada hati untuk keluar mengundi.

Saya tidak salahkan mereka kerana lihat sendiri keadaan dan ketidakstabilan politik hari ini yang membuat saya sendiri risau akan masa depan negara kita. Tetapi dengan adanya

GTA di bawah pimpinan Dr. Mahathir, saya yakin rakyat akan kembali percaya dan yakin bahawa negara kita masih boleh diselamatkan lagi.

GTA masih baharu dan belum diluluskan pendaftaran lagi sehingga perlu menggunakan logo Parti Pejuang Tanah Air (Pejuang) untuk bertanding. Komen?

Dalam setiap perkara yang kita lakukan terutama bidang politik pasti ada cabarannya. Cabaran yang saya lihat bagi menghadapi PRU15 adalah dalam memberitahu masyarakat mengenai keberadaan GTA ini.

Hal ini kerana parti ini merupakan sebuah parti yang baru sahaja diperkenalkan. Ramai yang masih terpinga-pinga dan belum mengetahui tentang ideologi dan hala tuju parti ini.

Namun, saya percaya bahawa dalam masa terdekat, masalah ini dapat diatasi dengan jayanya. Ini kerana saya yakin yang parti ini merupakan parti yang diinginkan oleh rakyat dan ditunggu-tunggu selama ini.

Apakah tujuan penubuhan GTA?

Gerakan ini bergerak dengan motif dan visi untuk menyatukan mereka yang tidak berparti untuk membentuk satu gerakan pencinta negara yang berpegang kepada keluhuran undang-undang dan bagi memajukan Malaysia. Selain itu, dengan pengaruh Tun Mahathir yang sangat besar di dalam negara kita disertakan dengan ramai pengikut, saya yakin dan percaya bahawa masalah (kurang dikenali) ini dapat diatasi dengan mudah.

Parti kami juga telah membuat pelbagai inisiatif atas kesedaran akan masalah ini dengan membuat pelbagai program di pelbagai platform sama ada secara dalam talian atau bersemuka bagi memberi penerangan kepada masyarakat tentang keberadaan dan ideologi GTA.

Saya yakin pada PRU15 ini, kami dapat mengumpulkan seramai mungkin pencinta negara untuk membawa semangat berlawan dengan parti-parti lain yang sudah rosak dan rakyat sudah hilang kepercayaan kepadanya.